



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
E-mail:ismailmerican@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA INFLUENZA A(H1N1)
DAN TINDAKAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

24 Mei 2009

Kementerian Kesihatan Malaysia ingin memaklumkan bahawa sehingga jam 8.00 pagi, 24 Mei 2009, Bilik CPRC Kebangsaan telah menerima notifikasi pada keseluruhannya sebanyak 226 kes dari seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, Malaysia masih kekal dengan dua (2) kes yang telah disahkan positif influenza A(H1N1) pada 15 dan 16 Mei 2009 yang lalu dengan 224 kes lagi telah disahkan bebas dari jangkitan influenza A(H1N1).

Untuk semalam, sehingga 24 Mei 2009, jam 8.00 pagi, Bilik CPRC Kementerian telah menerima sebanyak 16 notifikasi kes yang dimasukkan ke wad isolasi di lima (5) buah Hospital Rujukan Influenza A(H1N1) bagi tujuan penyiasatan iaitu 12 di Hospital Sungai Buloh, Selangor dan masing-masing satu (1) di Hospital Kuala Lumpur, Hospital Melaka, Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban dan Hospital Pulau Pinang. Kesemua 16 kes yang dinotifikasi telah disahkan bebas daripada jangkitan influenza A(H1N1) oleh ujian makmal dari Institut Penyelidikan Perubatan (IMR).

Sehingga 24 Mei 2009 jam 8.00 pagi Malaysia, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) memaklumkan dua (2) lagi negara baru melaporkan secara rasmi kejadian influenza A(H1N1) iaitu Honduras dan Russia, masing-masing dengan satu (1) kes, menjadikan jumlah negara yang terlibat kepada 44 buah. Kumulatif kes influenza A(H1N1) adalah sebanyak 12,149 yang telah disahkan positif oleh ujian makmal iaitu peningkatan sebanyak 156 kes berbanding dengan hari sebelumnya. Sebanyak 11 buah negara lain yang melaporkan peningkatan kejadian ini iaitu Australia (2), Brazil (1), Kanada (86), Chile (5), Costa Rica (6), Itali (5), Japan (27), Panama (3), China (3; 2 Hong Kong, 1 Taiwan), Peru (11) dan United Kingdom (5). Tiada peningkatan dalam jumlah kematian iaitu 86 orang.

Untuk semalam, pada 24 Mei 2009 jam 8.00 pagi, seramai 18,052 individu yang tiba dari negara terbabit telah disaring. Daripada jumlah tersebut, 12,030 (66%) orang disaring di pintu masuk udara, 1,703 (9%) di pintu masuk laut dan 4,319 (25%) di pintu masuk darat. Sebanyak tiga (3) kes yang dikesan dipintu masuk telah dirujuk ke hospital rujukan untuk pemeriksaan lanjut.

Sehingga 24 Mei 2009 jam 8.00 pagi, kumulatif penumpang yang disaring di semua pintu masuk adalah seramai 180,786 orang dimana 149,446 (83%) disaring di pintu masuk udara, 20,826 (12%) di pintu masuk darat dan 10,514 (5%) di pintu masuk laut. Daripada jumlah tersebut, 45 orang telah dirujuk ke Hospital Rujukan Influenza A(H1N1) bagi tujuan penyiasatan.

Setakat ini tiada kes transmisi tempatan berlaku di Malaysia. Walau bagaimanapun, saya menasihatkan orang ramai agar sentiasa mengambil perhatian serius terhadap situasi semasa penyakit ini dan mendapatkan maklumat yang terkini dan tepat dari Kementerian

Kesihatan. Maklumat terkini mengenai influenza A(H1N1) ini boleh diperolehi melalui laman sesawang Kementerian Kesihatan iaitu <http://www.moh.gov.my> dan pengumuman KKM melalui media dari masa ke semasa.

Sekian dan terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 24 Mei 2009